

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6842

SOALAN:

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah bagi meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan Jabatan Imigresen di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan serta menambahbaik perkhidmatan dengan melaksanakan inovasi seperti berikut:

- i. Memperkenalkan permohonan e-pasport Malaysia yang diselaras DOC 9303 International Civil Aviation Organization (ICAO) tanpa borang (*paperless*) dan penggunaan *live capture camera* bagi mengambil gambar untuk proses permohonan. Kaedah ini boleh membantu menjimatkan masa dan wang pemohon serta kos kepada kerajaan sebagai touch point dalam merakyatkan perkhidmatan;**
- ii. Penambahbaikan pada sistem pengkomputeraan Jabatan bagi memastikan perkhidmatan dapat diberi dengan mudah dan lancar;**

- iii. **memindahkan pejabat pengeluaran paspot baru Putrajaya di Menara Ikhlas, Presint 2 dari Presint 15 Diplomatik dengan penambahan kaunter-kaunter pengeluaran paspot baru yang lebih banyak;**
- iv. **pembinaan Ibu Pejabat Imigresen Negeri Sembilan baru di Seremban 2 berdasarkan peruntukan yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) bagi tempoh jangka panjang serta penambahan penggunaan ruang pejabat tambahan di Tingkat 6 Wisma Persekutuan, Seremban bagi penambahbaikan jangka pendek;**
- v. **menyewakan ruang yang lebih besar dan kondusif bagi menampung kesesakan pemohon -pemohon perkhidmatan Imigresen seperti di Pejabat Imigresen Pulau Pinang dan Selangor;**
- vi. **permohonan pengeluaran pas bagi golongan pegawai dagang atau *expatriate* secara *online*;**
- vii. **memperkenalkan pembaharuan Pas Lawatan (Kerja Sementara) pekerja asing secara on-line ;**
- viii. **mengadakan Khidmat Perundingan *Business Process Reengineering* Perkhidmatan Teras JIM bersama PEMANDU dan MAMPU bagi menambahbaikkan prosedur kerja JIM;**

Comment [h1]:

Comment [ZBAS2R1]:

Comment [ZBAS3R1]:

- ix. **Menambahkan hampir 1,000 orang anggota Imigresen untuk aktiviti penguatkuasaan dan pengurusan pekerja asing di seluruh Jabatan Imigresen Malaysia;**
- x. **Menghantar pegawai-pegawai untuk menghadiri kursus-kursus Bahasa dan *soft-skills* bagi membolehkan rakyat berinteraksi secara lebih efektif dan berhemah; dan**
- xi. **Mengadakan Pelan Operasi Latihan yang komprehensif bagi melatih pegawai-pegawai secara dalaman atau *in-house* dan juga menghantar pegawai-pegawai bagi mengikuti bengkel-bengkel di peringkat antarabangsa untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Pendedahan ini akan membantu pegawai dalam mengunapakai *best practices* yang diamalkan oleh Negara-negara lain sebagai penanda aras dan penambahbaikan perkhidmatan.**